

Pemohon gaji lebih RM8,500 dapat rumah kos rendah di Pulau Pinang

GEORGE TOWN - Pematuhan terhadap syarat permohonan Program Perumahan Kos Rendah (PPKR) di Pulau Pinang tidak memuaskan kerana ada pemohon yang melebihi hak kelayakan mendapat rumah manakala yang benar-benar layak masih menunggu.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1, bagi tempoh 2014 hingga 2016, seramai 208 pemohon yang berpendapatan melebihi RM2,500 menerima rumah kos rendah dan pemohon berpendapatan antara RM2,501 hingga RM3,500 mencatat bilangan kelulusan tertinggi iaitu 162 pemohon.

"Bagi tempoh sama, sebanyak empat kes permohonan diluluskan melibatkan pemohon yang mempunyai pendapatan

melebihi RM8,500," dedah laporan audit berkenaan yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam.

Laporan itu juga menyebut terdapat 490 pemohon PPKR dan 666 pemohon Projek Perumahan Rakyat (PPR) belum mendapat rumah walaupun mendaftar permohonan melebihi 15 tahun.

Antara sebab ialah kelemahan proses migrasi data pemohon daripada sistem lama kepada baharu dan audit juga mendapati tiada perancangan untuk pembangunan projek perumahan baharu walaupun Akaun Amanah Pelbagai bagi Pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah mempunyai baki yang tinggi.

Menurut laporan itu sehingga Ogos

2016, akaun amanah berkenaan mempunyai baki sejumlah RM121.99 juta dan terimaan sejak 2013 tidak dibelanjakan.

Laporan itu juga menyebut sebanyak 436 PPR masih kosong walaupun sebanyak 3,747 permohonan bagi enam rancangan perumahan di Pulau Pinang masih dalam senarai menunggu rumah PPR.

"Pengurusan pengagihan rumah kurang memuaskan kerana kegagalan menawarkan sebahagian unit rumah dan ini menyebabkan kerajaan negeri kehilangan hasil sewa dan tindakan proses pengisian unit kosong juga perlahan walaupun terdapat pemohon dalam senarai menunggu," ujar laporan tersebut. - Bernama